

**BERITA ONLINE
FREE MALAYSIA TODAY
TARIKH : 2 OKTOBER 2021 (SABTU)**



Operasi CITF hingga 31 Okt, KKM laksana PICk mulai 1 Nov

By [Bernama](#) - October 2, 2021 7:00 AM



Seorang pekerja berjalan melewati kerusi kosong berhampiran bilik vaksinasi di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil yang ditutup semalam. (Gambar Bernama)

KUALA LUMPUR: Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) hanya akan beroperasi hingga 31 Oktober ini, menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Dr Adham Baba.

Beliau yang juga Penggerusi bersama CITF berkata bermula 1 Nov depan, usaha imunisasi Covid-19 akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan (KKM) susulan perkembangan semasa Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICk) yang berada pada tahap baik.

“Susulan perkembangan PICK semasa yang telah berada pada tahap yang baik, mandat bagi usaha imunisasi penduduk yang selanjutnya, seperti yang telah diumumkan Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob akan dipulangkan semula oleh CITF kepada KKM.

“...saya yakin KKM sememangnya berpengalaman dan bersedia, terutamanya apabila KKM kini sedang giat menjalankan vaksinasi Covid-19 remaja,” katanya berucap pada majlis penutupan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Nasional Bukit Jalil di sini semalam.

Beliau berkata, PPV bukan kesihatan yang diuruskan CITF kini telah mula ditutup secara berperingkat di seluruh negara dan menjangkakan tiada lagi PPV bukan kesihatan akan beroperasi selepas 31 Okt ini.

Mengulas lanjut, Adham berkata mulai bulan ini, CITF akan membuat hebahan mengenai saluran untuk orang ramai mengemukakan sebarang pertanyaan di bawah kawal selia KKM.

Beliau memaklumkan KKM, MOSTI dan CITF telah mula berbincang dan menyelaraskan urusan pemulangan semula tugas-tugas imunisasi Covid-19 untuk memastikannya berjalan lancar.

CITF ditubuhkan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Feb lepas sebagai pemantau kerangka kerja dan strategi keseluruhan bagi menyokong pelaksanaan PICK.

Sementara itu, beliau berkata semua negeri telah mencapai 60% populasi dewasa lengkap divaksinasi selepas Sabah merekodkan kadar vaksinasi mencecah 60% semalam sekali gus menjangkakan sasaran 100% vaksinasi lengkap penduduk dewasa seluruh Malaysia hujung bulan ini juga hampir menjadi kenyataan.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada seluruh petugas di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil atas sumbangan, pengorbanan dan komitmen yang diberikan.

Beliau berkata, PPV berkenaan beroperasi sejak 21 Jun lepas dan memberikan lebih 730,000 dos vaksin Covid-19 kepada orang ramai.

PPV Stadium Nasional Bukit Jalil juga merupakan PPV pertama melaksanakan PICK Fasa Tiga di Lembah Klang dan satu-satunya PPV yang dikhaskan untuk “walk-in” atau secara jumpa terus tanpa janji temu kepada bukan warganegara bermula 9 hingga 22 Ogos lepas yang menyaksikan sebanyak 90,579 dos diberikan dalam tempoh tersebut.